

## ULASAN BUKU

**Mohd Bakri Ishak**

*Undang-undang dan Pengurusan Sisa Industri di Malaysia dan Eropah, 2013.*

180 halaman, ISBN9789834610135

Pengulas: *Shamsuddin Suhor*

sudin@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.



Buku ini mengandungi 12 bab yang memperkatakan pelbagai perkara berkaitan dengan sisa industri. Setiap bab dilihat mampu berdiri dengan sendiri bagi menceritakan sesuatu yang berkaitan dengan sisa, sama ada sisa dari sudut falsafah seperti yang dijelaskan dalam Bab 2, atau sisa industri dari sudut perundangan yang melibatkan Bab 3, 4, 5 dan 6, atau pengurusan sisa industri melalui pendekatan bukan perundangan seperti dalam Bab 9, 10, dan 11. Seterusnya buku ini membincangkan kes yang menyentuh isu pencemaran alam sekitar secara umum dan/atau yang khusus mengenai sisa industri yang telah diputuskan oleh mahkamah di negara ini seperti yang dibincangkan dalam Bab 7 dan 8 buku ini. Penulis dalam Bab 12, membuat sedikit ulasan ringkas dan padat tentang peruntukan Dasar Alam Sekitar Negara yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi menyokong keperluan dan kepentingan kewujudan perundangan alam sekitar di negara ini.

Terdapat tiga perkara utama yang dibincangkan oleh penulis dalam buku ini, iaitu pertama, memahami falsafah alam sekitar secara umum; kedua, peruntukan undang-undang alam sekitar; dan ketiga, pengurusan persekitaran dan alam sekeliling. Ketiga-tiga perkara ini kemudiannya diarahkan kepada satu isu sahaja, iaitu sisa. Dalam pelbagai maksud sisa yang terdapat dalam peristilahan alam sekitar ini, sisa yang dimaksudkan dalam perbincangan buku ini ialah sisa industri.

Penulis kemudiannya membawa pembaca untuk melihat perkembangan yang berlaku di luar negara dengan membuat perbandingan antara Malaysia dengan Eropah, iaitu cara atau kaedah sisa ini diuruskan dari sudut perundangan dan bukan perundangan. Tajuk buku ini *Undang-undang dan Pengurusan Sisa Industri di Malaysia dan Eropah* membawa maklumat yang berkisar tentang pengurusan sisa industri di Malaysia dan Eropah yang menyentuh dari sudut perundangan semata-mata.

Buku ini menyentuh erti alam sekitar dan falsafah di sebalik pentingnya perlindungan terhadap alam sekitar. Penerangan tentang aspek ini dibuat secara ringkas dengan membawa masuk soal nilai (instrumental, inheren dan intrinsik) dan soal etika (etika alam sekitar, antroposentrik, biosentrik dan ekosentrik). Cara ini memudahkan pembaca mendapat sedikit gambaran tentang falsafah alam sekitar tanpa merujuk tulisan asal bidang berkenaan oleh penulis seperti Edwin W. Tucker (1992), James Connelly dan Graham Smith (1995), Passmore (1974), Hargrove (1989) atau Van Dee Veer (1979). Semua pandangan penulis tersebut dimuatkan dalam Bab 2. Turut dimasukkan secara ringkas tiga tradisi moral alam sekitar, iaitu pengawasan (*stewardship*), utilitarianisme dan pemaknaan kehidupan atau penghormatan kepada kehidupan. Penerangan dalam bahagian ini terlalu ringkas dan ada kemungkinan menimbulkan tanda tanya kepada pembaca maksud yang cuba hendak disampaikan oleh penulis. Walau bagaimanapun Bab 2 bahagian falsafah alam sekitar ini membawa pembaca memahami kepentingan alam sekitar dari sudut falsafahnya secara umum.

Topik tentang sisa, sisa buangan dan atau sisa industri terdapat dalam Bab 3. Penulis memberikan takrif umum dan spesifik kepada ungkapan tersebut berdasarkan peruntukan undang-undang bertulis yang terpakai di negara ini dan juga perundangan di luar negara di samping penjelasan yang dibuat oleh penulis buku bidang berkenaan seperti Neil Hawke (1995), Stuart Bell dan McGillivray (2001), dan John Garbut (1995). Penjelasan yang dibuat secara terperinci oleh penulis dengan merujuk buku-buku dan himpunan penulis luar yang ramai membolehkan pembaca memahami dan membezakan setiap satu ungkapan berkenaan. Hal ini sangat membantu pembaca untuk memahami erti sisa dalam erti kata yang luas.

Sisa dan bukan sisa dikenal pasti melalui penjenisan atau pengkategorian yang dibuat melalui tafsiran undang-undang. Sisa atau buangan yang terhasil atau yang dijana oleh industri perlu diuruskan sebaik mungkin sama ada mengikut amalan biasa yang terbaik atau peruntukan undang-undang yang dibuat mengenai pengurusannya. Buku ini melalui Bab 3 menceritakan pengurusan sisa industri dilakukan berdasarkan lima garis panduan, iaitu pengelakan (*prevention*), kitar semula dan guna semula, pengoptimum dan pelupusan akhir, pengangkutan dan tindakan pemulihan. Salah satu sisa industri yang turut dibincangkan agak panjang lebar dalam buku ini adalah yang berkaitan dengan sisa peralatan elektrik dan elektronik. Perkara ini telah diketengahkan oleh penulis kerana sisa peralatan elektrik dan elektronik tidak disebut dalam perundangan di Malaysia secara khusus. Bab 10 buku ini telah memberikan suatu gambaran umum pengurusan sisa berkenaan apabila penulis menyentuh perbincangannya mengenai dasar Kesatuan Eropah (EC) berkaitan sisa berkenaan dalam Directive 2002/96 EC of the European Parliament and of the Council on Waste Electrical and

Electronic Equipment (WEEE)(Brussels, 27 January 2003) sebagai suatu maklumat penting kepada pembaca.

Semua urusan pengendalian sisa sama ada sisa buangan atau sisa industri kini dibuat berdasarkan undang-undang sedia ada dan hal ini dijelaskan oleh penulis dengan melihat amalan di Malaysia yang dibincangkan dalam Bab 4 dan 5. Perundangan berkaitan dengan alam sekitar dan kawalan pencemaran disenaraikan oleh penulis dan dibuat ulasan mengenainya dengan jelas seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1975, Akta Kerajaan Tempatan 1979 serta undang-undang kecil atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta berkenaan. Beberapa buah industri turut dikenal pasti seperti kilang kelapa sawit dan kilang getah yang terlibat dalam pelepasan buangan mempunyai peruntukan undang-undang mereka tersendiri yang terikat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1975 yang mengawal setiap aktivitinya.

Memandangkan buku ini bersifat perbandingan, penulis membawa masuk amalan pengurusan sisa industri di Eropah seperti United Kingdom dan Sepanyol, dan turut serta dimasukkan ialah Amerika Syarikat. Penulis juga merujuk undang-undang bertulis yang terdapat di negara berkenaan seperti *Control of Pollution Act 1974* dan *Environmental Protection Act 1990 (United Kingdom)*, *The Comprehensive Environmental Response, Compensation and Liability Act 1980* (Amerika Syarikat) serta piawaian dan peraturan berkaitan pengurusan sisa industri dan persekitaran perindustrian di Eropah.

Buku ini secara umumnya berupaya memberikan maklumat umum kepada pembaca mengenai cara bagaimana Malaysia menguruskan sisa industri negara dan dalam masa yang sama membuat kajian perbandingan dengan beberapa negara luar, seperti United Kingdom, Sepanyol dan Amerika Syarikat khususnya dari sudut perundangan dan pengurusan. Walau bagaimanapun, pembaca tidak boleh mengharapkan buku ini sebagai satu dokumen yang menggambarkan tentang pengurusan sisa yang lengkap dan terkini kerana pengurusan sisa merupakan satu bidang yang sangat rumit. Pengurusan sisa melibatkan banyak perkara. Dari sudut perundangan sahaja antaranya termasuklah masalah memberikan takrif kepada sisa itu sendiri, jenis sisa dan pengelasan yang berbeza-beza, penjanaaan, pengumpulan, penstoran, rawatan, pengangkutan, pelupusan, peruntukan perundangan, amalan terbaik menguruskan sisa dan sebagainya. Hal ini tidak termasuk sisa yang dapat dijadikan sebagai sumber ekonomi atau perkhidmatan yang mendatangkan keuntungan. Sisa sebagai satu tajuk penulisan adalah sangat luas dan buku ini hanya mengkhususkan kepada sisa industri sahaja. Selain itu, pembaca harus faham bahawa undang-undang merupakan sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah mengikut perkembangan dan keperluan semasa. Apabila tiga isu, iaitu undang-undang, pengurusan dan teknologi digabungkan dalam satu buku, pembaca perlu peka terhadap perkembangan

terkini sama ada dalam undang-undang itu sendiri atau cara pengurusan yang terbaik yang telah ditemui atau kemunculan ciptaan baharu atau teknologi terkini dalam menangani isu sisa ini. Sebagai contoh, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Industri) 1979 telah disebut dan dibincangkan dalam buku ini, yang menyatakan tentang pengurusan kumbahan dan effluen industri. Peraturan 1979 ini sebetulnya telahpun dimansuhkan dan digantikan dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009 yang telah diluluskan melalui Akta Pindaan A1441 pada 12 Januari 2013 (PU(B)429/2012). Sungguhpun demikian, tidaklah bermakna buku ini sudah terkebelakang atau sedikit ketinggalan sebaliknya apa-apa perubahan dalam perundangan adalah untuk tujuan penambahbaikan dan peningkatan perlindungan keselamatan persekitaran.

Kesimpulan umum mengenai buku ini ialah maklumatnya tetap penting kerana sifatnya yang santai memulakan cerita tentang sejarah ringkas kemunculan sisa industri di negara ini dan penjanaaan sisa berkenaan. Sisa berkenaan kemudiannya telah diperundangan dan perundangan yang berkaitan telah disenaraikan dan dijelaskan oleh penulis bertujuan untuk memberikan tatacara terbaik bagaimana semua sisa berkenaan diuruskan. Pelanggaran terhadap perundangan sedia ada akan mengundang pendakwaan di mahkamah dan kes yang berkaitan dengan pencemaran dan pelanggaran statut juga telah dibincangkan dalam buku ini. Seterusnya buku ini membuat perbandingan dengan beberapa negara luar dari segi pengurusan sisa dan kemudiannya disesuaikan pula dengan beberapa konvensyen dan protokol yang berkaitan pengurusan sisa.

Sebagai kesimpulannya penulis meletakkan pandangannya dalam bentuk cadangan dalam Bab 1 tentang pengurusan sisa industri di Malaysia dan bukannya pada bahagian akhir atau penutup buku ini. Cara penulis mengemukakan cadangan dalam Bab 1 merupakan suatu kelainan, yang jarang dilakukan yang mengundang pembaca untuk mengetahui sejauh manakah cadangannya itu dapat diterima pakai ketika membaca bab-bab seterusnya dalam buku ini. Satu perkara yang ketara ialah penambahan buku dalam bahasa Melayu khususnya buku ini membolehkan masyarakat umum atau pihak tertentu yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana atau berskala besar memahami ilmu perundangan berkenaan dalam bahasa Melayu.